

Arahan Am: Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan iaitu **A, B, C, dan D**. Antaranya, ada **satu** sahaja jawapan yang betul. Pilih jawapan itu. Kemudian, tandakan jawapan kamu dengan menghitamkan ruangan pada kertas jawapan.

Soalan 1 hingga Soalan 21

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang **paling sesuai**.

1. Sultan Mahmud sedang bersantap . _____ suka makan ikan dengan kuah Asam.
- A. Baginda
 - B. Mereka
 - C. Dia
 - D. Beliau

Soalan 2 berdasarkan gambar 1



Gambar 1

2. Nenek Zaleha menjahit baju itu dengan _____
- A. lambat
 - B. gopoh
 - C. teliti
 - D. kuat

Soalan 3 berdasarkan gambar 2



Gambar 2

3. Pak Cik Zamri sedang _____ ikan di tepi sungai.
- A. memukat
 - B. menjala
 - C. menebar
 - D. memancing
4. Buku cerita yang baru diterbitkan itu sesuai _____ kanak-kanak berusia tujuh tahun.
- A. daripada
 - B. kepada
 - C. untuk
 - D. dari
5. Air Sungai Pahang menjadi _____ selepas hujan lebat pada petang semalam.
- A. gelap
 - B. keruh
 - C. jernih
 - D. kabur

Soalan 6 hingga 7 berdasarkan gambar 3



Gambar 3

6. Pak Cik Samad sedang _____ buah kelapa yang diminta oleh pelanggannya.
- A. memotong
 - B. membelah
 - C. memarut
 - D. menghiris
7. Dia perlu _____ supaya tangannya tidak cedera.
- A. berangan
 - B. berwaspada
 - C. bersopan
 - D. bersedia
8. _____ penduduk kampung diarahkan berpindah ke kawasan perumahan yang baru dibina.
- A. Setiap
 - B. Segala
 - C. Semua
 - D. Setengah

9. Ai Ling memakai _____ semasa mengikuti kelas renang.
- A. baju sukan
 - B. baju renang
 - C. baju kemeja
 - D. baju hujan
10. Siew Ling makan buah tembikai _____ makan nasi.
- A. lalu
 - B. sambil
 - C. selepas
 - D. sementara
11. Keterangan saksi kes rompakan itu _____ dan mengelirukan hakim.
- A. bersusun-susun
 - B. berduyun-duyun
 - C. berbelit-belit
 - D. bertolak-tolak
12. " _____ , ambil tuala ini dan pergi mandi sekarang juga !"
- kata Puan Eng kepada anaknya.
- A. Nah
 - B. Cih
 - C. Eh
 - D. Amboi

13. Pak Cik Koh _____ untuk menyara keluarganya yang sebanyak lapan orang itu .

- A. mandi peluh
- B. mandi kerbau
- C. titik peluh
- D. buah tangan

Soalan 14 berdasarkan gambar 4




Gambar 4

14. " _____ harga kasut yang berwarna merah jambu itu?" tanya Susan kepada jurujual itu.

- A. Siapakah
- B. Berapakah
- C. Di manakah
- D. Bagaimanakah

Soalan 15 berdasarkan gambar 5



Gambar 5


15. Kuih-muih yang disediakan oleh nenek sungguh _____

- A. baik
- B. lazat
- C. segar
- D. bagus

16. Di _____ hutan itu terdapat dusun durian kepunyaan Pak Cik Zul.

- A. atas
- B. celah
- C. dalam
- D. pinggir

Soalan 17 berdasarkan gambar 6




Gambar 6

17. Ayah tidak suka _____ dalam pergaduhan antara saya dengan kakak.

- A. cepat tangan
- B. ringan tulang
- C. bekas tangan
- D. campur tangan

Soalan 18 berdasarkan gambar 7



Gambar 7

18. Penjual sate itu telah membakar beberapa _____ sate ayam dan daging.

- A. batang
- B. cawan
- C. cucuk
- D. cebis

Soalan 19 berdasarkan gambar 8



Gambar 8

19. Zamri bagai _____ semasa berada di Hotel Hilson untuk menghadiri majlis minum petang anjuran syarikatnya.
- A. rusa masuk kampung
 - B. kacang lupakan kulit
 - C. ayam berak kapur
 - D. telur di hujung tanduk
20. Lori itu mengalami _____ kerana dilanggar oleh sebuah bas dari arah belakang.
- A. merosakkan
 - B. kerosakan
 - C. dirosakkan
 - D. terosakkan

21. Aktiviti _____ di tempat terbuka menyebabkan berlakunya pencemaran udara.

- A. pembakaran
- B. kebakaran
- C. dibakar
- D. terbakar

Soalan 22

Pilih perkataan seerti bagi perkataan yang bergaris.

22. Rama memimpin wanita wanita yang buta itu melintas jalan.

- A. meredah
- B. menyeberang
- C. merangkak
- D. memotong

Soalan 23

Pilih perkataan berlawanan bagi perkataan yang bergaris.

23. Buku-buku di perpustakaan sekolah saya tersusun kemas .

- A. kusut
- B. tersepah
- C. rapi
- D. jarang